



SIARAN MEDIA

MENTERI SUMBER MANUSIA MENYANTUNI DUA ORANG BERINSURANS PERKESO

SEREMBAN – Prihatin kepada golongan pekerja yang kurang bernasib baik, Menteri Sumber Manusia, YB Tuan V.Sivakumar hari ini menziarahi dua Orang Berinsurans PERKESO yang mengalami hilang upaya kekal dan keilatan hingga tidak mampu bekerja sambil menyerahkan faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kepada mereka.

Tuan V.Sivakumar telah telah menziarahi **Encik Chandran a/l Raman** dan **Encik Leong Tai Hee** yang dilindungi PERKESO di bawah **Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4)**. Kedua-dua mereka mengikuti program pemulihan **Return to Work PERKESO**. Turut mengiringi Menteri Sumber Manusia dalam ziarah prihatin ini adalah **Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO iaitu Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed** dan **Pengarah PERKESO Negeri Sembilan Tuan Haji Nur Mohammad Bakhtir Mohamad Akhir**.

Sewaktu menziarahi **Encik Chandran**, YB Menteri telah menyampaikan **Faedah Hilang Upaya Kekal** kepada beliau berjumlah **RM14,291.62**. EncikChandra, 40 tahun, merupakan pekerja Bahau Cigarette Distributor Sdn Bhd sejak Ogos 2008. Beliau mengalami kemalangan ketika dalam perjalanan pulang dari tempat kerja di mana beliau mengalami **kecederaan pada lutut kakikanan dengan diagnosis kecederaan Right Knee Medial Meniscus Tear, Chondral Cartilage Tear and Anterior Ligament Tear**. Pada peringkat awal, beliau mendapat bayaran Faedah Hilang Upaya Sementara sebanyak **RM2,045.78**. Kes kemalangan tersebut kemudiannya dirujuk kepada Jemaah Doktor bagi menentukan Faedah Hilang Upaya Kekal dan beliau diberikan taksiran sebanyak 4%.

Kemudiannya, YB Menteri telah menziarahi **Encik Leong** serta menyampaikan **Pencen Ilat** dan kemudahan peralatan pemulihan. Beliau telah dirujuk kepada Jemaah

Doktor pada 22 Mei 2023 yang lalu, yang mendapati beliau berkelayakan untuk mendapat Pencen Ilat sebanyak **RM2,757.08** sebulan serta bantuan peralatan pemulihan seperti lampin dewasa serta kerusi roda. **Encik Leong, 47 tahun**, merupakan seorang pekerja kepada Landas Bumi Sdn Bhd sehingga April 2023 sebelum beliau disahkan mengalami keilatan oleh Jemaah Doktor. Beliau **mengalami stroke dengan diagnosis Right Myocardial Infarction.**

Kedua-dua pekerja tersebut menerima faedah PERKESO kerana majikan mencarum untuk mereka di bawah Akta 4. **Skim Bencana Pekerjaan** Akta 4 memberi perlindungan kepada pekerja yang mengalami kemalangan atau suatu penyakit khidmat yang berpunca atau terbit daripada pekerjaannya. Manakala **Skim Keilatan** Akta 4 menyediakan perlindungan kepada seseorang pekerja yang berada dalam keilatan, iaitu mengalami suatu kezuruan yang berkekalan samada tidak boleh diubati atau tidak mungkin sembah, serta tidak berupaya mencari nafkah. Skim Keilatan memberi **perlindungan 24 jam** kepada pekerja dari keilatan atau kematian akibat dari **sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan**. Perlindungan keselamatan sosial yang disediakan PERKESO kepada pekerja yang terbencana bukan sahaja meliputi **pampasan kewangan seperti bayaran faedah**, tetapi juga **peralatan pemulihan dan perubatan serta rawatan rehabilitasi**.

PERKESO kini melindungi golongan pekerja dalam sektor formal, pekerja domestik, pekerja asing, individu bekerja sendiri dan golongan suri rumah. Perlindungan ini disediakan menerusi **Akta 4, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017, Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017** dan **Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022**. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web rasmi PERKESO www.perkeso.gov.my atau hubungi talian **Careline PERKESO 1-300-22-8000**.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

18 Jun 2023

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-6193181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my

Hamisah Hamid

+6019-3833605

hamizah.hamid@perkeso.gov.my